

Kuala Lumpur

Sifar toleransi terhadap rasuah. Itu amaran Datuk Bandar Kuala Lumpur yang baharu, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif terhadap pegawai dan penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Menurutnya, beliau ingin menjadikan DBKL sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) yang lebih berintegriti, berakauntabiliti dan telus.

“Saya difahamkan terdapat kes membabitkan pegawai dan penguat kuasa DBKL.

“Saya memang sudah berbincang dan memberi arahan kepada semua pegawai, ketua jabatan dan eksekutif untuk bantu saya. Kalau saya seorang buat kerja tak boleh.

“Saya minta mereka untuk memantau, memberikan advokasi dan pendidikan. Sebab kita juga bekerjasama dengan rakan agensi lain seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

“Jadi, kita mulakan dengan mendidik dan ambil tindakan.

“Jika ada bukti sah membabitkan kes dalam siasatan SPRM dan DBKL, saya tidak teragak-agak untuk menga-



MAIMUNAH menggunakan pengetip perakam waktu ketika memulakan tugas di bangunan DBKL pada mula tugas sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur ke-15 di Menara DBKL, semalam. - Gambar NSTP/ASWADI ALIAS

Maimunah beri amaran!

Datuk Bandar KL mahu jadikan DBKL sebagai PBT lebih berintegriti, berakauntabiliti dan telus

ambil tindakan. Saya mahu menjadikan DBKL ini sebagai PBT yang berintegriti,” katanya.

Beliau ditemui media selepas merakam waktu masuk kerja hari pertama selaku Datuk Bandar

Kuala Lumpur di Menara DBKL, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, tindakan yang ingin dibuat itu sebagai amaran keras terhadap semua warga DBKL.

“Dalam soal ini, ia berbalik

kepada kesedaran individu itu juga. Jadi, itu sebabnya kena ada jati diri yang kuat.

“Paling penting, jangan sesekali ambil rasuah kali pertama. Kalau sudah mula ambil, ia akan berlanjutan. Jadi, ini amaran keras saya untuk semua,” katanya.

Maimunah mula tugas hari pertama semalam